



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# **HUBUNGAN ANTARA AMALAN SOLAT DENGAN AKHLAK MURID MELAYU TAHUN ENAM SEKOLAH RENDAH DI DAERAH JEMPOL**

**SAERAH BT. HJ. KARIN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**HUBUNGAN ANTARA AMALAN SOLAT DENGAN AKHLAK  
MURID MELAYU TAHUN ENAM SEKOLAH RENDAH  
DI DAERAH JEMPOL**

**SAERAH BT. HJ. KARIN**



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (PERADABAN MELAYU)  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**INSTITUT PERADABAN MELAYU  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2019**





## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izinNya Disertasi ini berjaya disiapkan. Sekalung penghargaan kepada penyelia pertama saya iaitu Prof. Madya Dato' Paduka Dr. Mohd Rosli bin Saludin. Beliau umpama penyuluh yang telah memberi arah tuju yang jelas kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Kepakaran beliau dalam menyampaikan ilmu-ilmu berkaitan kajian amat bermakna untuk diterjemahkan ke dalam kajian saya. Penghargaan khusus saya tujukan kepada penyelia ke 2 iaitu Dr. Noor Aini bt. Ahmad (Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia) kerana kesediaannya memberikan ruang waktu melayani sesi-sesi pertemuan dan perbincangan ilmiah dari peringkat perancangan kajian hinggalah sempurnanya bab satu hingga lima kajian ini. Rakaman terima kasih juga saya tujukan buat Pengarah Institut Peradaban Melayu yang baru iaitu Prof. Madya Azhar Hj. Ibrahim yang turut menyumbang idea dan pendapat dalam penulisan tesis saya. Walaupun baru saja kita bersua, namun banyak idea yang telah Prof. kongsi untuk memperkukuhkan kajian yang saya jalankan. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Awam Seremban, Negeri Sembilan dan Perpustakaan Awam Bandar Seri Jempol Negeri Sembilan, semua pentadbir sekolah yang telah memberikan kerjasama kepada saya semasa menjalankan kajian serta guru-guru dan murid-murid sekolah rendah daerah Bandar Seri Jempol yang menjadi sampel kajian. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih buat anak-anak tersayang serta semua pihak kerana telah memberikan sokongan dan sumbangan tenaga mahupun idea yang padu kepada saya dan sanggup berkorban masa demi memberi peluang kepada saya dalam menyiapkan kajian ini. Pengorbanan yang dicurahkan kepada saya amat dihargai dan saya amat terharu dengan keprihatinan yang mereka berikan kepada saya sehingga kajian ini dapat disempurnakan.



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara amalan solat dengan akhlak murid Melayu sekolah rendah di daerah Jempol. Kajian kes ini menggunakan instrumen soal selidik, kajian lapangan, pemerhatian dan temu bual. Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah rendah yang telah dipilih di sekitar daerah Bandar Seri Jempol. Seramai 254 orang murid tahun enam dipilih dalam kajian ini. Data telah dianalisis secara deskriptif serta inferens. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah Teori Takmilah dan Teori Ta'abudiyah yang menjadikan Nabi Muhammad (S.A.W) sebagai panduan dalam kehidupan masyarakat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid bersetuju bahawa PAFA (Perkara Asas Fardu Ain) dapat meningkatkan akhlak mereka terhadap ibu bapa ( $M=4.30$ ;  $SP=0.35$ ), guru ( $M=3.82$ ;  $SP=0.35$ ), rakan ( $M=3.67$ ;  $SP=0.36$ ). Dapatan korelasi pula menunjukkan hubungan yang signifikan antara amalan solat dengan akhlak murid terhadap ibubapa ( $r = 0.67$ ), guru ( $r = 0.45$ ), serta rakan ( $r=0.44$ ). Kesimpulannya, program PAFA telah berjaya meningkatkan akhlak murid terhadap ibubapa, guru dan sesama rakan sebaya. Amalan solat juga mempengaruhi rasa hormat anak kepada ibubapa, guru, dan rakan sebaya. Terdapat juga hubungan yang sederhana antara amalan solat dan akhlak murid. Implikasi kajian adalah program PAFA perlu diteruskan dan amalan solat perlu diperkasa untuk melahirkan generasi muda yang berakhlak tinggi.

## **RELATIONSHIP BETWEEN THE PRACTICE OF PRAYER AND THE MORALS AMONG PRIMARY MALAY STUDENTS IN PRIMARY SCHOOL IN BANDAR SERI JEMPOL**

### **ABSTRACT**

This study aimed to examine the relationship between the practice of prayer and the morals among primary malay students in primary school in Bandar Seri Jempol. This case study used questionnaires, observations and interviews. The study was conducted at three selected primary schools in the area of Bandar Seri Jempol. A total of 254 year-six students were selected in this study. Data were analyzed using descriptive and inferential statistics. The theories used in this study were the Ta'abudiyyah Theory and Ta'abudiyyah Theory of The Prophet Muhammad (S.A.W) to guide people's lives. The findings showed that students agreed that PAFA (The Basics of Fardu Ain) has improved the students behavior towards parents ( $M = 4.30$ ;  $SP = 0.35$ ), teachers ( $M = 3.82$ ;  $SP = 0.35$ ) and friends ( $M = 3.67$ ;  $SP = 0.36$ ). Correlation analysis also revealed a significant relationship between prayer practice and students behavior with parents ( $r = 0.67$ ), teachers ( $r = 0.45$ ), and peers ( $r = 0.44$ ). In conclusion, the PAFA program has succeeded in raising student morale for parents, teachers and peers. Prayer also influence the students respect for parents, teachers, and peers. There was also a moderate relationship between prayer practice and student morals. The implication of the study is that the PAFA program should be upgraded and that prayer practices should be strengthened to give produce high morality among teenagers.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

|                                        |      |
|----------------------------------------|------|
| <b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>     | ii   |
| <b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b> | iii  |
| <b>PENGHARGAAN</b>                     | iv   |
| <b>ABSTRAK</b>                         | v    |
| <b>ABSTRACT</b>                        | vi   |
| <b>KANDUNGAN</b>                       | vii  |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                  | viii |
| <b>SENARAI CARTA</b>                   | ix   |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>               | x    |
| <b>SENARAI ISTILAH</b>                 | xi   |

**BAB 1 PENDAHULUAN**

|     |                            |    |
|-----|----------------------------|----|
| 1.1 | Pengenalan                 | 1  |
| 1.2 | Latar Belakang Kajian      | 6  |
| 1.3 | Pernyataan Masalah         | 14 |
| 1.4 | Tujuan Kajian              | 31 |
| 1.5 | Objektif Kajian            | 31 |
| 1.6 | Soalan Kajian              | 32 |
| 1.7 | Kerangka Konseptual Kajian | 33 |



|      |                                 |    |
|------|---------------------------------|----|
| 1.8  | Hipotesis Kajian                | 37 |
| 1.9  | Kepentingan Kajian              | 37 |
| 1.10 | Batasan Kajian                  | 39 |
| 1.11 | Definisi Konsep dan Operasional | 43 |
| 1.12 | Kesimpulan                      | 46 |

## **BAB 2 SOROTON LITERATUR**

|     |                               |     |
|-----|-------------------------------|-----|
| 2.1 | Pendahuluan                   | 50  |
| 2.2 | Teori Berkaitan               | 51  |
| 2.3 | Kajian Literatur Dalam Negara | 62  |
| 2.4 | Kajian Literatur Luar Negara  | 105 |
| 2.5 | Kesimpulan                    | 113 |

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

|     |                         |     |
|-----|-------------------------|-----|
| 3.1 | Pendahuluan             | 114 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian      | 116 |
| 3.3 | Kaedah Kajian           | 118 |
| 3.4 | Sumber Data             | 121 |
| 3.5 | Instrumen Kajian        | 125 |
| 3.6 | Prosedur Mengumpul Data | 131 |
| 3.7 | Kesimpulan              | 138 |

## **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

|     |             |     |
|-----|-------------|-----|
| 4.1 | Pendahuluan | 141 |
|-----|-------------|-----|

|     |                                                                                                                |     |
|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.2 | Profil Responden Kajian                                                                                        | 142 |
| 4.3 | Analisis Tahap Amalan Ibadat Solat Dalam Perkara Asas Fardu Ain (PAFA)                                         | 154 |
| 4.4 | Analisis Tahap Akhlak Murid                                                                                    | 159 |
| 4.5 | Terdapat perbezaan tahap amalan ibadat solat dan akhlak murid berdasarkan jantina dan keputusan mata pelajaran | 168 |
| 4.6 | Hubungan antara amalan ibadat solat dengan akhlak murid terhadap ibubapa, guru dan rakan                       | 174 |
| 4.7 | Kesimpulan                                                                                                     | 177 |

## **BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

|     |                             |     |
|-----|-----------------------------|-----|
| 5.1 | Pendahuluan                 | 178 |
| 5.2 | Penemuan Kajian             | 179 |
| 5.3 | Ulasan dan Perbincangan     | 189 |
| 5.4 | Implikasi (Kesan) Kajian    | 194 |
| 5.5 | Cadangan Kajian Selanjutnya | 199 |
| 5.6 | Kesimpulan                  | 201 |

|                |     |
|----------------|-----|
| <b>RUJUKAN</b> | 204 |
|----------------|-----|

|                 |     |
|-----------------|-----|
| <b>LAMPIRAN</b> | 211 |
|-----------------|-----|

**SENARAI JADUAL**

| <b>No. Jadual</b>                                                                                    | <b>Muka Surat</b> |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 1.1 Jumlah Juvana                                                                                    | 17                |
| 1.2 Jumlah Tangkapan                                                                                 | 17                |
| 1.3 Kes Juvana                                                                                       | 18                |
| 1.10 Bilangan Responden dan Sekolah yang terlibat                                                    | 40                |
| 3.1 Sampel Kajian                                                                                    | 123               |
| 3.2 Sebaran dan Pulangan Soal selidik Guru dan Murid                                                 | 124               |
| 3.3 Item Positif dan Negatif                                                                         | 127               |
| 3.4 Skala Likert                                                                                     | 128               |
| 3.5 Skor Min                                                                                         | 128               |
| 3.6 Anggaran kekuatan hubungan antara dua Pemboleh ubah                                              | 129               |
| 4. 1 Taburan Responden Mengikut Jantina                                                              | 142               |
| 4. 2 Taburan Responden Mengikut Sekolah                                                              | 143               |
| 4. 3 Nama Sekolah dan Bilangan Responden                                                             | 145               |
| 4.4 Taburan Responden Minat Terhadap Mata Pelajaran Pend. Islam                                      | 148               |
| 4.5 Taburan Kekerapan Responden Sangat Minat dan Sederhana Minat Terhadap Mata Pelajaran Pend. Islam | 149               |
| 4.6 Taburan Kekerapan Responden Mengikut Tahap Penguasaan Tilawah Al-Quran                           | 150               |
| 4.7 Tahap penguasaan Al-Quran                                                                        | 151               |
| 4.8 Taburan Responden Mengikut Pencapaian Pendidikan Islam Pertengahan Tahun 2017                    | 153               |



**SENARAI RAJAH**

| <b>No. Rajah</b>                          | <b>Muka Surat</b> |
|-------------------------------------------|-------------------|
| 1.1 Kerangka Konseptual Kajian            | 33                |
| 1.2 Kerangka Teori Takmilah               | 35                |
| 1.3 Gagasan Teori Takmilah                | 36                |
| 3.1 Rekabentuk Metodologi                 | 117               |
| 4.1 Jantina                               | 143               |
| 4.2 Nama Sekolah                          | 146               |
| 4.3 Minat Mata Pelajaran Pendidikan Islam | 147               |
| 4.4 Tahap Penguasaan Al-Quran.            | 151               |
| 4.5 Gred Mata Pelajaran Pendidikan Islam. | 153               |





## SENARAI SINGKATAN

|       |                                            |
|-------|--------------------------------------------|
| FELDA | Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan         |
| FPN   | Falsafah Pendidikan Negara                 |
| IPT   | Institut Pengajian Tinggi                  |
| JAPIM | Jabatan Agama Islam dan Moral              |
| JQAF  | Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain  |
| KBS   | Kem Bestari Solat                          |
| KBSM  | Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah       |
| KBSR  | Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah         |
| KPM   | Kementerian Pelajaran Malaysia             |
| KS    | Kurang Setuju                              |
| PAFA  | Penilaian Perkara Asas Fardu Ain           |
| PdP   | Pengajaran dan Pembelajaran                |
| PIBG  | Persatuan Ibubapa dan Guru                 |
| S     | Setuju                                     |
| S.A.W | Salallahu Alaihi Wassalam                  |
| SPSS  | Statistical Package For The Sosial Science |
| SS    | Sangat setuju                              |
| STS   | Sangat Tidak Setuju                        |
| S.W.T | Subhanahu Wa Taala                         |
| TS    | Tidak Setuju                               |
| UPSR  | Ujian Pencapaian Sekolah Renda             |





## ISTILAH PERKATAAN

- Aqil Baligh - Orang yang berakal sihat dan seseorang yang telah sampai pada masa pemberian beban hukum syariat atau pun taklif.
- Fahsyah - Bermaksud perbuatan keji, hina dan buruk
- Jumhur - Ulama yang terdiri daripada Imam Malik, Imam Abu Hanifah, Imam Syafi'i dan Imam Ahmad Ibn Hanbal
- Kamil - Sempurna, lengkap
- Khaliq - Menunjuk kepada Allah S.W.T sebagai pencipta seluruh makhluk.
- Mukallaf - Orang yang dipertanggungjawabkan dengan perintah Allah.
- Mumaiyiz - Seorang anak yang telah mampu membezakan sesuatu yang bermanfaat untuk dirinya dan sesuatu yang membahayakan untuk dirinya.
- Syumul - Bersifat menyeluruh, sempurna dan lengkap.
- Thabit - Dijadikan hujah hadis-hadisnya.
- Ukhrawi - Berkaitan dengan akhirat: jangkauan Islam itu ialah kehidupan akhirat.





## SENARAI LAMPIRAN

### Muka Surat

|   |                                        |     |
|---|----------------------------------------|-----|
| A | Soal Selidik                           | 211 |
| B | Surat Kebenaran Kementerian Pendidikan | 218 |
| C | Surat Kebenaran dari Sekolah           | 219 |



## BAB 1

### PENGENALAN

Bab ini membincangkan tentang amalan solat dalam penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) dan hubungannya dengan akhlak murid sekolah rendah terhadap ibubapa, guru dan rakan. PAFA merupakan sebahagian daripada kurikulum di dalam Pendidikan Islam yang diajar di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1994 yang mana keputusannya akan dicatatkan di dalam slip peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

Fardu Ain bermaksud tuntutan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T ke atas setiap orang Islam yang mukallaf secara langsung berkaitan oleh agama bagi orang perseorangan dan tidak boleh ditinggalkan ataupun dilaksanakan oleh orang lain, seperti mengucap dua kalimah syahadah, sembahyang lima waktu, puasa di bulan



Ramadan, menutup aurat dan sebagainya. Dalam konteks penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA), beberapa elemen-elemen asas Fardu Ain yang terkandung dalam sukatan pelajaran Pendidikan Islam dan hendaklah dipastikan agar setiap murid benar-benar mengetahui, memahami dan boleh mengamalkannya dengan betul dan sempurna sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syarak.

Solat merupakan asas dan tiang agama dalam Islam. Solat juga merupakan rukun Islam yang kedua sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim daripada Abdullah bin Umar ra, iaitu (Bukhari, 2001:8; Muslim 1999:16)

عن عبد الله بن عمر رضي الله عنهما قال:  
قال رسول الله صلى الله عليه وسلم بني اسلام على خمس  
شهادة ان لا اله الا الله وان محمدا رسول الله.  
واقام الصلاة وايتاء الزكاة والحج وصوم رمضان.

Maksudnya: ["Dari ibn Umar ra, katanya: Rasulullah SAW bersabda:

"Islam itu dibina dan ditegakkan di atas lima dasar (lima rukun), iaitu mengucapkan dua kalimah syahadah (dengan meyakini serta menerangkan kebenaran) bahawa sesungguhnya tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad ialah pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, memberi zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan mengerjakan haji ke Baitullah."]

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Pemahaman, penghayatan dan pengamalan tersebut menjadi pegangan dan modal hidup murid sepanjang hayat sebagai menunaikan tanggungjawab sebagai seorang mukallaf. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran PAFA bukan setakat menentukan sahnya dalam ujian dan penilaian sahaja, tetapi lebih jauh daripada itu iaitu pengajaran dan pembelajaran PAFA sewajarnya dapat meniupkan keinginan yang





tinggi dalam menghayati amalan dan akhlak Islam dalam kehidupan seharian- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM 2004).

Menurut Shamsul Kamarudin (2011) seseorang Muslim menunjukkan kepercayaannya terhadap Allah dan Rasul-Nya dengan mengamalkan lima kewajiban yang menjadi asas kepada kepercayaan umat Islam dan mereka dijanjikan kejayaan oleh Allah di dunia dan di akhirat nanti. Solat juga adalah merupakan salah satu cara untuk mengubati insomnia atau penyakit sukar untuk tidur lena yang disebabkan oleh kegagalan saraf (Nor Azah Abdul Aziz et al. (2008), dengan keadaan yang demikian seseorang manusia itu boleh menunaikan solat pada malam hari. Jadi berdasarkan kenyataan yang diutarakan menunjukkan betapa pentingnya ibadat solat ditunaikan oleh setiap mukallaf.



Ini amat bersesuaian dengan matlamat Pendidikan Islam, (2009) melahirkan generasi mukmin yang terpelajar, terdidik dan bertakwa (berilmu, beriman, beramal soleh dan berperibadi mulia) yang mempunyai kesedaran diri sebagai hamba Allah dan sebagai khalifah di bumi yang bertanggungjawab terhadap Allah S.W.T dan bertanggungjawab untuk mengimarahkan bumi melalui proses pendidikan rohani, emosi, intelek, jasmani dan amali yang bersepadu dan seimbang sehingga tercapai hasanah di dunia dan di akhirat.. Dalam usaha membuktikan keimanan dan keyakinan kepada Allah S.W.T. Manusia mesti mematuhi segala syariat Islam diantaranya ialah solat.





Pendidikan Islam menyatakan bahawa penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) adalah bertujuan mengenalpasti murid yang lemah dalam kefahaman dan amalan PAFA kemudian membimbing sehingga murid dengan sendirinya faham dan dapat mengamalkannya dengan betul dan sempurna. Di samping itu juga penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) juga memastikan tidak terdapat sebarang keciciran dalam PAFA serta menimbulkan dan menyuburkan keinsafan dan kerelaan yang positif untuk menghayati amalan yang dilakukan dalam kehidupan sehari-hari.

Seperti yang diketahui, bahawa tidak ada suatu perintah yang dipentingkan oleh al-Quran sebagaimana solat. Al-Quran telah menyatakan kewajipan solat dengan berbagai-bagai susunan kata-kata. Kadang-kadang dengan perintah yang tegas dan memuji-muji orang yang mengerjakan solat dan mencela orang yang meninggalkannya, sehingga dapat difahamkan bahawa solat itu tiang bagi agama Islam.

Tidak ada sesuatu keuntungan yang diperolehi dari Islam oleh orang yang meninggalkannya, atau melupa-lupakan atau berlaku riak pada waktu dan masa mengerjakannya. Sesungguhnya Allah S.W.T, sebagai yang telah ditegaskan oleh Imam Ahmad, telah membesarkan urusan solat dan kedudukannya dalam al-Quran. Allah S.W.T memuliakan urusan solat dan juga memuliakan orang-orang yang tetap mengerjakannya dan mengistimewakan sebutannya antara ketaatan yang lain, pada beberapa tempat di dalam al-Quran.

Seseorang hamba Allah S.W.T seharusnya menjadikan solat sebagai pedoman hidup, baik lahir mahupun batin yang mana hati, lisan dan perbuatannya menyatu dalam ibadat solatnya. Allah S.W.T berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 238:





حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوُسْطَى وَقُومُوا لِلَّهِ قَانِتِينَ

[Peliharalah semua solat (mu), (peliharalah)  
solat wusthaa. Berdirilah untuk Allah (dalam solatmu) dengan khusyu'].  
(Surah al-Baqarah ayat 238)

Ibadat solat yang terkandung di dalam kurikulum PAFA merupakan pelajaran Islam yang dinyatakan oleh Rasulullah S.A.W bahawa solat itu adalah tiang agama. Ia merupakan satu cara pengabdian yang hakiki kepada Allah S.W.T dan tiada sebarang alasan untuk meninggalkannya samada dalam keadaan sihat atau pun uzur (sakit), masa lapang mahupun masa sibuk. Walaupun jelas kedudukan ibadat solat itu adalah dalam Rukun Islam yang kedua dan berperanan sebagai tiang agama, namun terdapat dalam kalangan umat Islam yang tidak mempedulikan seruan azan yang menyeru supaya mengerjakan solat, sama ada solat lima waktu atau solat jumaat.



Malah, secara terang-terangan mereka meninggalkan solat tanpa rasa bersalah dan kesal. Mereka tidak menitikberatkan ibadat solat dan sudah tentu tidak menghiraukan ibadat-ibadat yang lain. KeIslaman mereka hanya dipandang pada majlis-majlis kenduri dan majlis-majlis keramaian sahaja seperti hari-hari kebesaran dalam Islam Johari Yaman (2003).

Sehubungan itu, sudah menjadi tanggungjawab setiap pihak khususnya mereka yang terlibat dengan dunia pendidikan untuk memastikan terbentuknya individu Muslim yang mempunyai akhlak dan sahsiah seperti yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Islam. Oleh itu wajah manusia yang ingin dijelmakan sudah tentu merupakan wajah manusia yang indah, berakhlak dan bersahsiah tinggi. Tajul Ariffin dan Noraini (1992) menyatakan, manusia perlu dibentuk menjadi insan yang baik dan



mulia, rakyat yang amanah dan bertanggungjawab serta warganegara yang setia serta bersemangat tinggi.

Murid yang baik membentuk keluarga, masyarakat serta bangsa yang baik. Idealisme inilah yang harus diperjuangkan oleh para guru dan murid sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Wawasan 2020. Agama memainkan peranan yang amat penting untuk membangunkan hidup individu, keluarga, masyarakat dan seluruh makhluk untuk hidup dengan harmoni dan patuh pada suruhan Allah. Ini bersesuaian dengan matlamat pendidikan akhlak iaitu untuk melahirkan insan yang baik dan berakhlak sempurna terhadap Pencipta dan seluruh makhluk di alam ini.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Islam meletakkan elemen pendidikan di kedudukan yang paling penting. Ia merupakan satu ibadah yang besar. Kepentingan pendidikan ditekankan dalam ayat al-Quran yang pertama diturunkan iaitu surah al-Alaq ayat satu hingga lima, Firman Allah:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ (1) خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ (2)  
اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ (3) الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ (4)  
عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ (5)

[Bacalah dengan (menyebut) Nama Tuhanmu yang menciptakan,  
Dia telah menciptakan manusia dari 'Alaq, Bacalah, dan Tuhanmulah  
yang paling Pemurah, Yang mengajar manusia dengan pena,  
Dia mengajarkan kepada manusia apa yang belum diketahuinya]

(Surah al- Alaq ayat 1 -5)



Nabi Muhammad S.A.W telah diperintahkan oleh Allah S.W.T dalam surah al-Alaq ayat satu hingga lima supaya memberitahu dan menyebarkan risalah kepada semua umat manusia. Wahyu yang pertama ini mengandungi perintah yang menyuruh manusia belajar mengenal Tuhan, memahami fenomena alam dan diri sendiri serta menghayati bahawa cara hidup yang baik adalah tergolong dalam prinsip aqidah, ilmu dan amal. Islam amat menekankan juga pendidikan duniawi dan ukhrawi. Dalam hubungan ini, jelaslah menurut Dato' Ismail Kamus dan Mohd Azrul Azlen Ab. Hamid dalam buku bertajuk “Indahnya Hidup Bersyariat” (2015) menyebut tentang bahawa ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah merupakan dua bahagian ilmu yang diwajibkan ke atas umat Islam. Kedua-dua ilmu ini adalah ilmu yang diwajibkan kepada semua orang Islam agar mempelajari dan melaksanakannya.



Ilmu fardu kifayah adalah ilmu yang wajib dan mesti ada pada sekelompok manusia dalam kalangan masyarakat tanpa melihat kepada segelintir individu tertentu seperti ilmu perniagaan, pembuatan senjata, kedokteran, ketenteraan, pertukangan, kemahiran, ekonomi, sains, fizik, kimia dan sebagainya. Sekiranya tiada seorang Muslim pun dalam masyarakat Islam yang berbuat demikian, maka ilmu fardu kifayah ini akan menjadi ilmu fardu ain iaitu wajib diceburi oleh orang Islam.

Pendidikan dalam Islam bertujuan untuk melahirkan individu yang serba lengkap sama ada dari segi rohani dan jasmani mahupun dari segi material atau sosial bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Proses pendidikan dalam Islam akan membentuk serta mengembangkan aspek-aspek kesempurnaan manusia yang mencakupi fizikal, rohani, mental dan sosial menurut pembentukan rabbani bagi melahirkan insan kamil dan individu yang bertakwa.





Dalam hubungan ini, manusia sebagai khalifah dan hamba Allah berkewajipan memikul tanggungjawab dan amanah yang telah diberi dan ditetapkan oleh Allah S.W.T serta menyedari akibat baik dan buruk sesuatu perbuatan mereka serta akibat meninggalkan solat bagi orang Muslim menurut Dr. Sayyid Muhammad Bin Alawi Al-Maliki dalam buku yang bertajuk “Keistimewaan Umat Nabi Muhammad” (2005) terbitan Jabatan Mufti Negeri Sembilan.

Pembelajaran yang tulen dan efisien adalah pembelajaran yang bertunjangkan kepada konsep aqidah kerana dengannya peribadi insan yang luhur dapat dibentuk dan dipupuk dengan gabungan yang harmoni antara jiwa, bumi, ilmu dan amal soleh serta menjadikan sains dan teknologi sebagai asas pembangunan negara agar lebih terjamin kebaikannya kepada manusia dan alam sekitar. Menurut Syeikh Muhammad Bin Ismail Daud Al-Fatani-(2018) dalam buku yang bertajuk “Matla’ al-Badrain — Panduan Lengkap Fiqh Sepanjang Zaman”. Maka, keharmonian antara sains dan teknologi serta amal soleh itu perlu ditanamkan pada setiap peringkat pendidikan kanak-kanak Muslim.

Dalam rangka pembangunan negara ke arah kemajuan, sepatutnya konsep tauhid diserapkan dalam pembelajaran sains dan teknologi supaya para saintis dan teknologi dapat mengamalkan kerjaya mereka dengan penuh sedar tanggungjawab mereka sama ada kepada manusia, alam sekitar atau khaliqnya. Ianya penting untuk mencapai kebaikan di dunia dan di akhirat. Seperti yang diketahui, pembelajaran Fardu Ain telah berlaku sejak zaman Rasulullah S.A.W, sahabat Baginda dan seterusnya sehingga kini yang mana asas kepada pembelajaran agama Islam itu terkandung di dalam al-Quran nul – Karim (2016) terbitan Karya Bestari SDN. BHD.





Konsep pengabdian manusia kepada khaliqnya tidak tercapai tanpa Pendidikan Islam. Di dalam penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA), melalui pengajaran dan pembelajaran (PdP), salah satu perkara yang hendak dicapai oleh setiap murid adalah boleh mendirikan ibadat solat fardu dan yang berkaitan dengannya seperti azan, iqamah, menjawab azan dan iqamah serta dapat membaca doanya dengan betul. PAFA merupakan sebahagian kecil daripada isi kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran PAFA adalah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, maka pengajaran dan pembelajarannya adalah sepanjang masa dimulai dari tahun satu hingga tahun enam di peringkat sekolah rendah dan Tingkatan satu hingga Tingkatan lima di peringkat sekolah menengah.

Guru perlu mengenal pasti tajuk dan isi kandungan yang berkaitan PAFA supaya dapat diberikan penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran kepada murid kerana solat boleh mencegah diri dari perbuatan dosa dan maksiat serta boleh mengajak kepada kebaikan apabila dikerjakan dengan tertib dan sempurna. Semoga kita semua dianugerahi bentuk solat yang benar-benar dapat mencegah dari dosa dan maksiat serta mudah membawa kita ke arah kebaikan dan kebajikan dalam diri. perbuatan dosa dan maksiat serta boleh mengajak kepada kebaikan apabila dikerjakan dengan tertib dan sempurna.

Konsep pendidikan bersepadu merupakan keistimewaan Islam. Ia berlawanan sekali dengan aliran pemikiran Barat yang memisahkan ilmu kepada dua bahagian yang disebut sebagai teknologi dan sains atau religions knowledge di Barat. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) sepadu membawa makna berkaitan erat (tidak terpisah-pisah) berjalin, bertahan erat (antara pelbagai unsurnya), pendidikan bersepadu adalah





pendidikan yang bersumber dan berpaksikan serta dipimpin dan berlandaskan al- Quran dan as-Sunnah, ia adalah sebuah konsep pendidikan yang diperkenalkan bagi usaha mengatasi pengaruh sekularisme ke atas sistem Pendidikan Islam.

Dari penjelasan di atas dapatlah disimpulkan bahawa konsep pendidikan bersepadu itu adalah pendidikan yang menjadikan manusia sebagai insan kamil yang meliputi ilmunya iaitu ilmu duniawi dan ukhrawi. Manusia yang berilmu tidak memisahkan agama dan sains. Ilmunya memartabatkannya menjadi orang yang pakar dan ilmunya di samping tercermin nilai-nilai Islam dalam pekerjaan dan kehidupannya. Kedua-duanya lahir daripada pandangan yang satu, iaitu tauhid. Dalam pendidikan ini, walaupun terdapat beberapa pembahagian ilmu seperti ilmu aqidah, syariah dan akhlak, namun tetap berada dalam satu lingkaran konsep bersepadu yang membawa keseimbangan antara akal dengan wahyu.

Menurut Kamus Dewan Edisi Kedua (2004), pendidikan bermaksud perihal atau perbuatan mendidik, manakala berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat pula (2007), pendidikan diertikan sebagai pertama perihal mendidik, kedua; ilmu pendidikan dimaksudkan sebagai ilmu didik, ilmu mendidik pengetahuan mendidik dan yang ketiga; diertikan sebagai didikan, latihan, ajaran. Maka bolehlah dikatakan bahawa pendidikan adalah pengajaran dan ia termasuk semua perkara atau perihal yang berkaitan mendidik atau mengajar.

Ini juga bermakna pendidikan boleh melibatkan perkara yang baik mahupun yang tidak baik. Apa-apa sahaja perkara yang boleh diajar adalah termasuk sebagai pendidikan. (Sumber Berita Harian Julai 2012). Tujuan asas pendidikan adalah





membina akhlak dan jiwa. Orang yang paling istimewa ialah orang yang berilmu dan mengamalkan ilmunya dengan betul, iaitu orang yang berpegang kepada prinsip bahawa mencari ilmu adalah untuk mencari keredhaan Allah semata-mata.

Berdasarkan definisi di atas, dapat dirumuskan bahawa pendidikan merupakan suatu proses yang berterusan untuk membentuk manusia ke arah kehidupan bermakna di dunia dan di akhirat. Oleh sebab itu, antara fungsi pendidikan ialah penyampaian ilmu yang menyeluruh kepada manusia, maka ilmu yang diterima nanti menentukan nilai dan keyakinan yang dianuti oleh seseorang sehingga membina keazamannya. Keazamanan yang berdasarkan nilai-nilai pendidikan inilah yang menggerakkan seseorang untuk bertindak melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini selaku khalifah Allah di muka bumi.



Tujuan pendidikan dalam Islam adalah untuk menyatakan bahawa pendidikan suatu usaha yang dengan sengaja dipilih untuk mempengaruhi dan membantu anak yang bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, jasmani dan akhlak sehingga secara perlahan boleh menghantar anak kepada tujuan dan cita-citanya yang paling tinggi. Agar memperoleh kehidupan yang bahagia dan apa yang dilakukannya dapat bermanfaat bagi dirinya sendiri, masyarakat, bangsa, negara dan agamanya. Islam sebagai ad-din yang menyediakan panduan yang merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia, sama ada dalam urusan ibadat seperti solat dan puasa mahupun dalam ibadat umum seperti pendidikan dan perniagaan.





Pendidikan dalam Islam juga adalah untuk membina individu yang bertindak sebagai khalifah atau sekurang-kurangnya menempatkannya di suatu tahap menuju ke arah tujuan tersebut. Dalam hubungan ini, manusia sebagai khalifah dan hamba Allah berkewajiban memikul amanah yang telah diberikan oleh Allah S.W.T dan menyedari akibat baik dan buruk perbuatan mereka. Sifat khalifah yang digelarkan kepada makhluk yang bernama insan itu memang sesuai dengan amanah yang diterima untuk dilaksanakannya. Jumhur Ulama telah sepakat bahawa maksud amanah ialah kewajipan menegakkan agama Allah iaitu Islam atau kewajipan melaksanakan tugas terhadap agama Allah yang telah dibentangkan kepada makhluk-makhluk selain manusia untuk menerima dan menunaikan tanggungjawab keagamaan tersebut dengan sebaik-baiknya.

Pendidikan yang baik dan tulen adalah pendidikan yang berteraskan kepada konsep tauhid, kerana dengan tauhid peribadi insan yang luhur dapat dibentuk di mana terdapat kesepaduan yang harmoni antara ilmu, bumi, jiwa dan amal soleh untuk menjadikan sains dan teknologi yang menjadi asas pembangunan negara lebih terjamin manfaatnya kepada manusia dan alam. Maka, keharmonian antara sains teknologi dan amal soleh itu perlu ditanamkan pada setiap peringkat pendidikan kanak-kanak Muslim. Imam Al - Ghazali menyatakan bahawa tujuan pendidikan adalah untuk semakin mendekatkan diri kepada Allah S.W.T, semakin bertambahnya ilmu pengetahuan yang dimiliki, maka semakin baik akhlak dan budi pekertinya.

Ini adalah jika pendidikan ini ditujukan bukan untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W T maka, ia akan menimbulkan kesesatan dan melencong jauh dari konsep ajaran-ajaran keIslaman. Padahal sudah jelas Allah S.W.T berfirman di dalam al-Quran:





وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

[Tidaklah Aku ciptakan Jin dan manusia  
melainkan hanya untuk beribadah kepadaku]

(Q.S Al-Dzariat ayat 56)

Di dalam penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA), melalui pengajaran dan pembelajaran (PdP), salah satu perkara yang hendak dicapai oleh setiap murid atau pelajar adalah boleh mendirikan ibadat solat fardu dengan baik dan yang berkaitan dengannya seperti azan, iqamah, menjawab azan dan iqamah serta dapat membaca doanya dengan betul. PAFA adalah sebahagian kecil daripada isi kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran PAFA adalah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam juga. Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) adalah merupakan mata pelajaran dalam Pendidikan Islam (bukan satu mata pelajaran baharu di luar Pendidikan Islam), maka pengajaran dan pembelajarannya adalah sepanjang masa.

Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dimulai dari Tahun satu hingga Tahun enam di peringkat sekolah rendah dan Tingkatan satu hingga Tingkatan lima di peringkat sekolah menengah. Guru perlu mengenal pasti tajuk dan isi kandungan yang berkaitan dengan penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) supaya dapat diberikan penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran kepada murid. Guru agama yang terlibat berperanan penting untuk memastikan murid sentiasa bersedia apabila setiap soalan PAFA ingin dikemukakan kepada murid.





Solat memang boleh mencegah diri dari perbuatan dosa dan maksiat, serta boleh mengajak kepada kebaikan jika ditunaikan dengan sepenuh hati dan jiwa. Namun dengan syarat solat tersebut dilakukan dengan:-

- 1- Memenuhi rukun, syarat, wajib dan melakukan hal-hal sunat yang menyempurnakan solat tersebut.
- 2- Jangan berfikir tentang perkara-perkara dunia ketika sedang menunaikan solat dan perlulah kusyuk semasa menunaikannya.
- 3- Tidak menoleh ke kanan dan ke kiri ketika sedang melaksanakan solat.
- 4- Menghadirkan hati sepenuhnya semasa solat dengan menghayati setiap ayat dan bacaan yang diucapkan dalam solat.
- 5- Bersemangat dalam hati untuk melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran.



Semoga semua dianugerahi bentuk solat yang benar-benar dapat mencegah

semua dari dosa dan maksiat serta mudah membawa kepada ke arah kebaikan dan kebajikan dalam diri.

### 1.3 Pernyataan Masaalah

Pendidikan Islam dikatakan masih kurang berkesan kerana masih banyak berlakunya masalah sosial dalam kalangan remaja berpunca daripada kelemahan kurikulum Pendidikan Islam dan juga dikaitkan dengan kurangnya peranan guru sebagai murabbi dalam menyampaikan ilmu kepada murid. Kebanyakan murid masih kurang mantap tentang pengamalan asas fardu ain serta belum dapat memuaskan hati semua pihak terutama guru, penjaga dan ibubapa.





Ada yang melaporkan bacaan fatihah yang tidak fasih, bacaan dalam solat yang tidak sempurna, bacaan al-Quran yang belum fasih dan khatam, cara berwuduk yang masih boleh dipertikaikan, belum bersedia untuk menjadi imam solat fardu dan berani pula melanggar larangan agama Allah S.W.T dan sebagainya. Pendapat dari buku bertajuk “Mencontohi Cara Hidup Ulama Salaf” (2015) hasil tulisan Ustaz Hj. Zamihan Hj. Mat Zin al-Ghari.

Cabaran kemerosotan akhlak dan disiplin murid merupakan satu lagi cabaran yang perlu ditangani oleh guru-guru pendidikan Islam di Malaysia. Menangani cabaran ini sudah tentu sukar bagi guru biasa. Cabaran ini memerlukan kepakaran dan pengalaman yang luas khususnya daripada golongan guru Pendidikan Islam yang bersifat cemerlang. Zulfan Nasution (2001) menegaskan, terdapat banyak pihak yang membicarakan tentang kerosakan sahsiah dan akhlak murid. Beberapa permasalahan dalam kalangan murid yang begitu membimbangkan serta meresahkan ibubapa dan guru di sekolah khususnya adalah perubahan terhadap sikap serta tingkah laku mereka yang semakin merosot.

Selain itu juga, turut dikemukakan statistik yang dipetik daripada akhbar Harian Metro (11 Mac 2015) yang melaporkan tentang masalah moral dan akhlak dalam kalangan remaja kini. Walaupun statistik ini menunjukkan masalah moral dan personaliti dalam kalangan remaja namun ia turut mewakili majoriti pelajar sekolah menengah kerana purata usia mereka juga terdiri daripada golongan remaja.





Menurut petikan lagi, peningkatan krisis akhlak dan moral kalangan golongan remaja di negara ini semakin menggerunkan apabila statistik menunjukkan jumlah kes jenayah membabitkan kesalahan juvana meningkat sebanyak 111 peratus dalam tempoh setahun. Berdasarkan petikan Harian Metro, statistik yang dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 7,816 kes dicatatkan pada tahun 2013, berbanding 3,700 kes pada tahun 2012 iaitu membabitkan peningkatan sebanyak 4,116 kes.

Malah angka kegiatan jenayah berat golongan remaja yang tamat persekolahan pula mencatatkan peningkatan ketara sehingga 137 peratus kepada 2,011 kes berbanding hanya 849 kes dicatatkan pada 2012. Kategori jenayah berat ini dikaitkan dengan remaja di bawah umur berusia antara 12-17 tahun. Angka direkodkan turut meningkat kira-kira 47 peratus di seluruh negara dan ada di antara mereka tetrlibat dengan kes bunuh juga rogol. Bukti daripada cabaran kemerosotan akhlak dan disiplin ini boleh dilihat daripada statistik yang dibincangkan berikut. Secara keseluruhannya masalah dan cabaran disiplin pelajar di sekolah meningkat dari tahun ke tahun. Sebahagian besar daripada masalah ini pula datangnyanya daripada remaja dan pelajar Melayu yang majoritinya adalah orang Islam (Marzita (2007).

Sebagai contoh, kes jenayah yang melibatkan juvana lelaki dalam tempoh 10 tahun antara 1989 hingga 1998 meningkat sebanyak 35 peratus. Manakala remaja perempuan meningkat sebanyak 25 peratus (Abdullah, 2007). Statistik Berita Harian pada 4 Ogos 2004 menjelaskan lagi tentang jumlah tangkapan dan kes juvana serta jumlah tangkapan yang melibatkan pelajar Melayu pada tahun 2000-2004. Statistik seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1 dan 1.2 di bawah:-



*Jadual 1.1 Jumlah Juvana Sejak Tahun 2000- 2004*

| <b>Tahun</b>      | <b>2000</b> | <b>2001</b> | <b>2002</b> | <b>2003</b> | <b>2004</b> | <b>Jumlah</b> |
|-------------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|---------------|
| <b>Tangkapan</b>  | 2,714       | 2301        | 2018        | 2562        | 1331        | 10926         |
| <b>Kes Juvana</b> | 1502        | 1327        | 1136        | 1429        | 715         | 6109          |

;

*Jadual 1..2 Jumlah Tangkapan Pelajar Melayu Tahun 2000-2004*

| <b>Tahun</b>     | <b>2000</b> | <b>2001</b> | <b>2002</b> | <b>2003</b> | <b>2004</b> |
|------------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|
| <b>Peratus</b>   | 69.38       | 75.36       | 76.25       | 78.53       | 79.64       |
| <b>Tangkapan</b> |             |             |             |             |             |
| <b>Jumlah</b>    | 1,883       | 1,734       | 1,535       | 2,012       | 1.060       |
| <b>Tangkapan</b> |             |             |             |             |             |

\* sehingga bulan Jun

Sumber: Berita Harian 04 Ogos 2004



*Jadual 1.3 Kes Juvana Tahun 2004 Mengikut Negeri*

| Bil | Negeri          | Jumlah | Pratusan |
|-----|-----------------|--------|----------|
| 1   | Kuala Lumpur    | 874    | 14.43    |
| 2   | Selangor        | 816    | 13.47    |
| 3   | Johor           | 751    | 12.40    |
| 4   | Perak           | 713    | 11.77    |
| 5   | Terengganu      | 525    | 8.67     |
| 6   | Sabah           | 594    | 6.51     |
| 7   | Sarawak         | 362    | 5.98     |
| 8   | Kedah           | 334    | 5.52     |
| 9   | Kelantan        | 325    | 5.37     |
| 10  | Pulau Pinang    | 317    | 5.23     |
| 11  | Negeri Sembilan | 246    | 4.06     |
| 12  | Pahang          | 182    | 3.01     |
| 13  | Melaka          | 117    | 1.93     |
| 14  | Perlis          | 100    | 1.65     |
|     | Jumlah          | 6056   | 100      |

Sumber: Harian Metro, Minda, 8 Febuari 2007

Namun secara keseluruhannya sepanjang tahun 2000-2004, seramai 34,156 pesalah juvana telah ditangkap membabitkan 22,154 kes. Daripada jumlah juvana tersebut, 10,926 adalah terdiri daripada golongan pelajar (Ahmad Nazri, 2007). Menurut Kementerian Keselamatan dalam Negeri (2007) yang bertarikh 1 April 2006, terdapat peningkatan kes jenayah pelajar termasuk kes dadah di antara tahun 2003, 2004





dan 2005. Jumlah kes jenayah ini pada tahun 2005 meningkat sebanyak 108 kes pada tahun 2005 dengan jumlah 1,607 kes berbanding 1,499 kes (2005) dan 1,429 kes (2003).

Menurut Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd Bakri Omar, 135 murid sekolah rendah dan 2,754 pelajar sekolah menengah ditangkap kerana disyaki terbabit dalam kegiatan jenayah pada 2005. Jumlah itu meningkat dengan mendadak berbanding 122 murid sekolah rendah dan 2,609 pelajar sekolah menengah ditangkap pada 2004. Daripada jumlah itu, kesalahan membabitkan dadah mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952 membabitkan 255 pelajar sepanjang tahun lalu, 228 pelajar (2004) berbanding hanya 59 pelajar (2003). Analisis kes juvana 2004 yang lebih terperinci telah dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Data statistik ini dikeluarkan mengikut peratusan negeri. Statistik ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.3 di



Statistik peningkatan jenayah pelajar diperkukuhkan lagi dengan statistik yang dikeluarkan oleh Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) yang dipengerusikan oleh Datuk Dr. Maximus Ongkili, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Beliau menjelaskan bahawa peratusan kes jenayah dalam kalangan pelajar meningkat pada tahun 2005, iaitu sebanyak 5,543 kes berbanding pada tahun 2004 sebanyak 5,140 kes. Dalam statistik yang lain pula, mengikut Polis Diraja Malaysia (PDRM), peratusan disiplin moral dalam kalangan pelajar sedikit menurun iaitu 1.74 peratus daripada 5.5 juta pelajar pada 2005 berbanding dua peratus pada 2004.



Peratusan ini walaupun nampak kecil, akan tetapi ia mewakili 100,000 bilangan pelajar daripada 5.5 juta (Malaysia Today Onliner, 2007). Peningkatan yang berterusan kadar jenayah ini masih lagi terus bertambah pada tahun 2006. Hal ini sebagaimana menurut Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan ketika ditanya adakah jenayah pelajar (juvana) membimbangkan? Beliau telah menjelaskan seperti berikut (Efindi Badarudin 2007):

*“ Benar, perkara ini sangat serius, Ini mungkin kerana perubahan sikap masyarakat hari ini. Dulu kita boleh menegur anak-anak jiran, sekarang, kalau menegur, kita pula dimarahi dan disuruh menjaga tepi kain sendiri. Saya dulu kalau hendak buat nakal akan fikir banyak kali. Sebabnya, satu kampung menjadi pemerhati dan risau jika mereka mengadu pada ibubapa saya ”.*

Harian Metro, 22 Julai 2007

Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2011), ajaran Islam amat menekankan umatnya sentiasa menjadi cemerlang dalam kehidupan di dunia dan di akhirat. Apatah lagi kepada guru Pendidikan Islam yang diberi tanggungjawab untuk mendidik anak-anak Islam kepada ketinggian akhlak, peribadi dan kesempurnaan iman dan amal agama. Berdasarkan penulisan Syafiq Nasri El-Lutfi (2010) menyatakan bahawa belajar untuk mengajar dan dalam mengajar dapat belajar, (sesungguhnya orang yang hidup di antara kalian sepeninggalan ku akan melihat perselisihan yang banyak), Oleh itu, peganglah sunnahku dan sunnah Khulafa' ar- Rashidin yang mendapat petunjuk.

Kajian yang dilakukan oleh Kamarulzaman *et. al* (2002) yang dilakukan di Sekolah Menengah Agama di Kelantan. Dalam kajian ini mendapati bahawa guru-guru Pendidikan Islam dan Bahasa Arab kurang memberi penekanan elemen penglibatan pelajar dalam kelas disamping banyak menggunakan kaedah berpusatkan guru berbanding yang berpusatkan murid. Kajian ini disokong lagi dengan kajian Ab. Halim



*et al.* (2004) tentang keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri murid mendapati bahawa guru-guru yang dikaji masih banyak menggunakan kaedah syarahan dalam pengajaran Tilawah al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah serta adab dan akhlak walaupun mereka mengakui kaedah-kaedah lain adalah lebih memberi kesan kepada para pelajar mereka.

Keputusan yang hampir sama juga dapat dilihat daripada kajian persepsi pelajar dalam kajian yang dilakukan oleh Fakulti Pendidikan, UKM dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, KPM (2004). Kajian ini mendapati terdapat lima aktiviti yang paling kurang digunakan oleh guru Pendidikan Islam ketika mereka mengajar yang menjadikan pengajaran dan pembelajaran mereka kurang menarik minat. Aktiviti tersebut ialah mengadakan kelas di luar bilik darjah dengan min hanya 1.61, memberi peluang menulis esei tentang Pendidikan Islam (1.60), membawa pelajar ke makmal komputer (1.48), berlakon dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam (1.43) dan menggunakan Akhbar dalam Darjah (ADD) semasa pengajaran dan pembelajaran (1.30).

Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Rasid Muhamad *et al.* (1999) mengenai permasalahan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi, mendapati bahawa 52.7 peratus responden yang mendirikan solat lengkap lima waktu sehari semalam. Manakala 47.3 peratus responden masih menganggap amalan solat lima waktu sehari semalam adalah remeh. Solat yang sering ditinggalkan ialah solat subuh 77.8 peratus, diikuti solat asar 9.7 peratus, solat isyak 8.7 peratus, solat zuhur 2.8 peratus dan solat maghrib hanya 1.3 peratus sahaja. Peratusan yang sedemikian adalah tinggi memandangkan ibadat solat adalah merupakan persoalan yang besar dalam Islam.





Ini selari dengan pandangan Noorzila Jamaludin dan Muhd.Zuki Pileh (2004), yang menyebut bahawa aktiviti sukan telah menyebabkan ramai orang meninggalkan solat semata-mata menunggu di stadium seawal pukul 4 petang. Walaupun perlawanan bermula pukul 8 malam. Sukan juga telah mencuri masa terluang ramai orang Islam. Mereka telah memberi keutamaan kepada sukan berbanding hal-hal agama. Bagi umat Islam, sebarang aktiviti yang dilakukan tidak boleh menyebabkannya meninggalkan tanggungjawab sebagai Muslim.

Falsafah Pendidikan Islam secara jelas menekankan bahawa matlamat yang ingin dicapai ialah kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Sudah pasti ianya berasaskan kepada keimanan yang mantap kepada Allah S.W.T. Namun dari segi realitinya matlamat ini menghadapi cabaran yang sungguh hebat dalam cabaran era globalisasi ini. Masalah keruntuhan aqidah dan sosial seperti gejala murtad, keruntuhan akhlak, zina, rogol, sumbang mahram, gangsterism serta kegagalan remaja Islam untuk melaksanakan tuntutan asas Islam telah menimbulkan pelbagai persepsi di dalam masyarakat antaranya ialah:- Adakah Pendidikan Islam 'gagal' atau 'masih belum dapat' memberi didikan yang sempurna kepada pelajar?. Apakah Pendidikan Islam yang diberikan masih belum mencukupi? Apakah cabaran yang dihadapi terlalu besar dan terlalu banyak persoalan yang perlu dihadapi oleh remaja masa kini.

Nik Mohd. Rahimi et al. (2002). Menurut Tajul Ariffin dan Noor'Aini Dan (2002) isu yang paling kronik dalam pendidikan masa kini ialah pembinaan moral dan nilai. Budaya barat telah menyebabkan gaya hidup manusia semakin jauh daripada fitrah kejadian manusia yang dicipta oleh Allah S.W.T. Perkembangan dalam gaya hidup sosial, ekonomi, politik, seni dan seumpamanya mengarah kepada gaya hidup





yang bertentangan dengan sifat tabii manusia. Oleh itu kita memerlukan konsep pendidikan bersepadu sebagai alternatif untuk menangani pengaruh-pengaruh negatif tersebut.

Oleh kerana itu, setiap murid perlu diberi pendidikan bagi memastikan mereka mempunyai perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelektual yang mantap dan boleh membezakan perlakuan yang halal atau haram. Hal ini amat membimbangkan sekiranya para remaja ini kurang memahami konsep Islam sebagai ad - Din yang syumul dan sekadar memahami Islam sebagai masyarakat sekular yang hanya memahami agama dalam ruang lingkup yang amat sempit sekali. Nik Mohd Rahimi et al. (2002).



iman kepada-Nya. Keimanan dan ketaqwaan kepada Allah S.W.T akan membawa kepada ibadat sebagai bukti kecintaan kepada Allah S.W.T. Ibadat mempunyai kaitan yang rapat dengan akhlak kerana menerusi ibadat yang betul akan melahirkan tingkahlaku manusia yang baik, berdisiplin, bersopan dan berakhlak mulia.

Menurut Muhammad Ahmad Ismail al-Muqadam dalam buku tulisan beliau yang bertajuk Mengapa Kita Mesti Solat? (2011), Seorang hamba harus menjadikan solat sebagai pedoman hidupnya, baik lahir mahupun batin yang mana hati, lisan dan perbuatannya menyatu dalam solat. Allah S.W.T berfirman dalam surah al-Baqarah ayat: 238 yang bermaksud (Berdirilah untuk Allah dalam solatmu dengan khusyuk).





Menurut Muhammad Munir Jimbaz (1999), Solat merupakan satu bentuk penglibatan yang sangat berpotensi untuk membentuk peribadi seseorang. Ini adalah kerana semakin banyak seseorang itu melakukan ibadat solat, maka bertambah kukuhlah keimanan di dalam hatinya kerana solat adalah bentuk komunikasi langsung antara hamba dengan Tuhannya.

Keutamaan ibadah solat itu antara lain: apabila dilaksanakan dengan sebaik-baiknya, sesuai dengan tertibnya, maka ia akan mencegah seseorang dari perbuatan keji dan mungkar, Oleh itu pelaksanaan solat dapat mencegah diri individu dari perbuatan-perbuatan keji dan mungkar sebagaimana yang terdapat dalam firman Allah (Surah al-Ankabut [29]:45). Dengan ini lahirlah akhlak yang mulia dikalangan orang-orang mukmin.



اَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ (٤٥)

Maksudnya:- [ Bacalah kitab (Al Qur'an) yang telah diwahyukan kepadamu (Muhammad) dan laksanakanlah solat. Sesungguhnya shalat itu mencegah dari (perbuatan) keji dan mungkar. Dan (ketahuilah) mengingat Allah (solat) itu lebih besar (keutamaannya dari ibadah yang lain). Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.]

(Surah al-Ankabut [29]: 45)

Kegagalan menghayati ibadat solat dalam kalangan murid dan umat Islam serta penyakit sosial yang menular dalam suasana masyarakat yang berhadapan dengan nilai-nilai yang semakin jauh dari akhlak mulia adalah sesuatu yang amat membimbangkan. Walau apa pun yang berlaku, perkara ini perlu diatasi dengan segera supaya generasi Islam tidak terpesong jauh dari jalan yang benar.





Melihat situasi ini, maka penyelidik melahirkan hasrat untuk mengkaji mengenai amalan ibadat solat dalam PAFA serta hubungannya dengan akhlak murid hari ini. Penyelidik berpendapat bahawa ibadat solat adalah sesuatu yang cukup penting untuk dipelajari, diamalkan dan dihayati bagi melahirkan murid-murid yang berakhlak mulia, menyayangi ibubapa, menghormati guru-guru dan bersopan terhadap rakan-rakan dimana ia adalah merupakan sifat dan ciri-ciri seorang muslim menurut Al-Sheikh Mohammad Fauzi dalam buku bertajuk “ Sifat dan Ciri-Ciri Seorang Muslim”(2005).

Kajian korelasi ini perlu dilakukan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berguna dari segi mengenal pasti tahap amalan ibadat solat murid dan hubungannya dengan akhlak murid tersebut. Kajian ini juga perlu dilakukan untuk mengukur kejayaan pelaksanaan penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) khususnya ibadat solat dalam membentuk akhlak murid khususnya murid di sekolah rendah. Oleh itu dalam konteks pendidikan di sekolah pada hari ini, sewajarnya ibadat solat itu dijadikan asas pembentuk akhlak yang baik dalam kalangan murid seterusnya menjadi benteng untuk mengurangkan masalah disiplin di sekolah kerana soalan yang diajukan adalah berkaitan tentang solat dan adab terhadap ibubapa serta ihsan kepada Allah. (2014) dalam buku “Pemantapan Amali Fardu Ain” terbitan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

Apabila kewajiban ini diabaikan, dibimbangi matlamat Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis di dunia dan akhirat tidak tercapai. Apatah lagi suasana yang amat mencabar seperti masalah menghisap rokok, penagihan dadah, gengstarisme, tidak mentaati





ibubapa, melawan guru, ponteng sekolah dan lain-lain semakin serius berlaku di kalangan murid sekolah. Bagi mengatasi masalah ini pendekatan agama perlu diambil kira khususnya penekanan ibadat solat yang boleh mencegah seseorang daripada perbuatan keji dan mungkar.

Wajah manusia yang ingin dijelmakan sudah tentu merupakan wajah manusia yang indah dan unggul. Manusia perlu dibentuk menjadi insan yang baik dan mulia, rakyat yang amanah dan bertanggungjawab serta warganegara yang setia dan bersemangat tinggi. Insan yang baik ini membentuk keluarga yang baik dan seterusnya masyarakat serta bangsa yang baik (Tajul Arifin dan Noraini 1992). Inilah idealisme yang harus diperjuangkan sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan Wawasan 2020. Matlamat-matlamat pendidikan yang luhur ini perlu diterapkan dalam pendidikan kita supaya hala tuju pendidikan di Malaysia dapat dimantapkan.

Dengan penghayatan dan keinsafan inilah Falsafah Pendidikan Negara (FPN) telah dibentuk pada tahun 1987 seperti berikut: (Pendidikan di Malaysia ialah suatu usaha berterusan ke arah mengembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara).





Falsafah Pendidikan Kebangsaan pula mendukung cita-cita pendidikan seumur hidup. Usaha mengembangkan potensi (fitrah) individu tidak terbatas semasa murid berada di bilik darjah sahaja, tetapi ia juga berlaku di luar bilik darjah, di rumah dan juga berlaku di dalam masyarakat. Matlamat Pendidikan Kebangsaan adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan bertujuan untuk membangunkan seluruh potensi insan dari segi rohani, akal, emosi dan jasmani yang juga menjadi cita-cita dan matlamat Pendidikan Islam. Pembentukan dan pembangunan insan soleh dan solehah serta mempunyai ciri-ciri insan kamil merupakan mercu akhir matlamat Pendidikan Islam. Pendidikan Islam yang menyokong cita-cita pembangunan insan yang berilmu, beriman dan beramal soleh serta berakhlak mulia, memerlukan kurikulum pendidikan yang mengimbangi antara ilmu, keimanan dan kemahiran agar murid yang dilahirkan seimbang antara ilmu duniawi dan ukhrawi.

Dengan wujudnya keseimbangan antara ketiga-tiga faktor di atas, maka lahirilah insan yang sempurna yang mampu mendukung cita-cita sebagai seorang hamba dan khalifah Allah di muka bumi dan seterusnya mendapat keredhaan Allah S.W.T serta kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah dibentuk bagi memenuhi cita-cita pembentukan insan soleh atau insan yang patuh kepada ajaran agama.





Berdasarkan pernyataan di atas jelaslah bahawa Falsafah Pendidikan Kebangsaan menepati kehendak dan cita-cita matlamat Pendidikan Islam. Kekuatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan terletak di atas paksi ketauhidan. Keunggulannya pula terletak kepada hasrat membangunkan fitrah manusia supaya menjadi insan yang seimbang dan harmonis. Manakala, kesempurnaannya pula terletak kepada kelahiran manusia yang berilmu, berketrampilan, bertanggungjawab dan berupaya untuk memberi sumbangan kepada kemakmuran sejagat.

Falsafah Pendidikan Islam, KBSR dan KBSM merupakan suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat. Justeru itu, penumpuan khusus dalam mata pelajaran Pendidikan Islam adalah:

- a- Pendidikan Asas Tilawah al-Quran.
- b- Pembentukan Aqidah dan Bimbingan Asas Fardu Ain.
- c- Pemupukan amalan-amalan Fardu Ain dan Fardu Kifayah yang dituntut oleh syariat Islam dan
- d- Penerapan adab yang berteraskan Akhlak Islamiah ke dalam diri murid

Keempat-empat bidang ini hendaklah disampaikan dengan berkesan. Penyampaian yang berkesan mampu menanam asas keimanan yang jitu dan membentuk murid-murid agar mempunyai cita-cita yang tinggi, daya tahan terhadap ajakan duniawi yang mencabar, semangat juang, gigih berusaha dan mampu mengubah





diri yang menyumbang kepada asas tamadun masyarakat, bangsa dan negara. Para pendidik perlulah memastikan setiap murid dapat menguasai ilmu, amalan dan kemahiran yang telah ditetapkan supaya mata pelajaran Pendidikan Islam ini dapat menyumbang ke arah pembentukan muslim mukmin yang berilmu, beriman, beradab, berakhlak mulia, berketrampilam, bertanggungjawab, beramal soleh dan bertakwa selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI).

Organisasi kandungan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dibahagikan kepada empat bidang iaitu Asuhan Tilawah al-Quran, Asas Ulum Syariah, Asas Akhlak Islamiah dan Pelajaran Jawi. Manakala kandungan kurikulum Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) terdiri daripada bidang pelajaran Tilawah dan Hadis, Ulum Syariah, pembelajaran adab berteraskan akhlak Islamiah.

Untuk memantapkan lagi pembelajaran dalam Pendidikan Islam, Pihak Kementerian Pendidikan juga telah mengambil tindakan dengan mengadakan beberapa mesyuarat dan bengkel dan akhirnya mengadakan seminar Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain (j-QAF) pada 3 – 5 Mac 2004. Seminar ini telah bersetuju menerima beberapa model untuk dilaksanakan sebagai projek rintis pada April 2004 sebelum pelaksanaan sebenar pada tahun 2005 secara berperingkat. Konsep j-QAF adalah suatu usaha memperkasakan Pendidikan Islam melalui penekanan khusus dalam pengajaran jawi, al-Quran, bahasa Arab dan Fardu Ain yang dilaksanakan di peringkat sekolah rendah.





Pelaksanaan program ini menggunakan kurikulum serta model dan modul yang tersendiri. Pelaksanaannya menggunakan peruntukan jadual waktu sedia ada. Objektif program j-QAF adalah untuk memastikan semua murid Islam yang berada di sekolah rendah dapat: Pertama, Menguasai bacaan dan tulisan jawi. Kedua, Khatam Al-Quran semasa di sekolah rendah. Ketiga, Menguasai bahasa Arab dan Keempat, Memantapkan dan menghayati amalan asas Fardu Ain.

Secara keseluruhannya dengan mengambil kira aspek-aspek penting yang perlu ada dalam menilai keberhasilan pembelajaran murid dalam bidang ibadat solat dalam penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) seperti yang dinyatakan telah mendorong penyelidik untuk membuat penilaian terhadap tahap penguasaan murid di kelas aliran perdana sekolah rendah dalam memastikan mereka berakhlak mulia terhadap ibubapa, guru dan rakan-rakan sekelas. Pendidikan rendah yang di pilih merujuk kepada sekolah kebangsaan.

Penyelidik membuat penilaian dan kajian ini di sekolah rendah kebangsaan kerana di situ adalah peringkat asas dalam pembelajaran murid-murid dan merupakan tempoh waktu yang kritikal bagi murid untuk mendalami sesuatu ilmu yang bermanfaat terutama dalam memahami perkara-perkara asas sesuatu bidang khususnya dalam bidang ibadat solat dan kerana murid di sekolah rendah adalah merupakan masa yang sesuai untuk dibentuk dan dilentur agar mereka semua menjadi seorang insan yang berakhlak mulia.





Penyelidik menyimpulkan bahawa kesemua isu ini secara langsung atau tidak langsung adalah berkait rapat dengan etika dan akhlak serta keperibadian dan jati diri guru. Isu-Isu yang diutarakan di atas dan permasalahan tersebut dapat diatasi sekiranya guru amnya dan Guru Pendidikan Islam khasnya mengamalkan identiti dan akhlak Islam dengan komitmen yang penuh dan menjadikan Rasulullah S.A.W sebagai qudwah dan ikutan yang baik dalam kehidupan mereka di sekolah dan di luar sekolah.

#### 1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan ibadat solat dalam penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) serta hubungannya dengan akhlak murid terhadap



#### 1.5 Objektif Kajian

Tujuan atau objektif kajian ini lebih menjurus kepada perkara-perkara yang dibincangkan berkaitan dengan tahap keyakinan pemahaman pembaca terhadap penilaian dalam perkara asas fardu ain (PAFA). Antara objektif kajian ini dilakukan adalah seperti berikut:-

- 1.5.1 Mengenal pasti tahap amalan ibadat solat dalam kalangan murid sekolah rendah.
- 1.5.2 Menganalisis tahap akhlak dalam kalangan murid sekolah rendah serta hubungannya dengan amalan ibadat solat.



- 1.5.3 Mengkaji perbezaan tahap amalan ibadat solat dan tahap akhlak murid berdasarkan jantina dan keputusan mata pelajaran.

## 1.6 Soalan Kajian


Antara persoalan kajian yang dikemukakan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah seperti berikut:-

- 1.6.1 Apakah tahap amalan ibadat solat dalam kalangan murid di sekolah rendah?

- 1.6.2 Adakah terdapat hubungan yang positif tentang hubungan solat antara ibubapa, guru dan rakan?

- 1.6.3 Adakah terdapat perbezaan tahap amalan ibadat solat dan akhlak murid berdasarkan jantina dan keputusan mata pelajaran?

## 1.7 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Ubah suai dari Teori Takmilah dan Ta'abbudiyyah(1996 dan 1988). Keterangan tentang kerangka konseptual


Berdasarkan Teori Takmilah dan Teori Ta'abbudiyyah, penyelidik telah memilih teori tersebut dalam kajian untuk menjadikan kesempurnaan diri murid-murid tahun enam yang dijadikan sebagai responden dalam kajian ini. Murid juga dapat melindungi diri mereka dari sifat dan akhlak yang keji melalui ibadat solat yang dilakukan sehari semalam dengan hati yang ikhlas dan ditunaikan dengan bersungguh-sungguh serta ikhlas kerana Allah S.W.T semata-mata. Di samping itu juga, murid perlu melengkapkan diri dengan ilmu keduniaan dan ilmu akhirat yang seimbang agar boleh dijadikan sebagai contoh ikutan dalam kalangan rakan-rakan mereka semasa bergaul dan berinteraksi.



Sebagai makhluk dan hamba Allah S.W.T sudah selayaknya murid-murid menghambakan diri kepada Allah S.W.T melalui ibadat solat dan mengamalkan perlakuan yang berakhlak terhadap alam sekitar dan manusia terutama kepada ibubapa, guru dan rakan semasa berinteraksi. Justeru, sudah menjadi kebiasaan individu muslim (murid) untuk memelihara dan menjaga hubungan dengan Allah S.W.T dan makhluk agar wujudnya akhlak murid yang baik dan bersopan terhadap ibubapa, guru dan juga rakan hasil dari pelaksanaan solat dalam penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA).


Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) ini adalah merupakan mata pelajaran Pendidikan Islam yang bertujuan untuk memastikan setiap murid mengetahui, memahami dengan betul aspek-aspek Islam seperti yang dituntut oleh syarak. Perkara yang diuji dalam PAFA ialah perkara yang berkaitan dengan fardu ain dan dijalankan dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).





Rajah 1.2. Teori Takmilah. Shafie Abu Bakar- Rangka Teori Takmilah (1996)





*Rajah 1.3. Gagasan teori Takmilah (Ubah suai dari rangka teori Takmilah). Sumber dari Buku Teori Takmilah karya Shafie Abu Bakar – 1996, Buku Terbitan tahun 2014*

Secara ringkasnya teori takmilah dapat dirumuskan dalam rangka teori yang disatukan iaitu dengan menggabungkan semua prinsip yang telah diperkatakan secara melihat dari atas ke bawah kepada prinsip yang paling asas iaitu Allah membawa tahap ke bawah berikutnya, iaitu Rasul, Islam, Ilmu, Guru, Pafa dan murid seperti dalam rajah di atas.

## 1.8 Hipotesis Kajian



Murid-murid tahun enam yang telah menjalani ujian penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) semenjak dari tahun satu lagi pasti menunjukkan dengan lebih baik perlakuan solat yang sempurna serta menunjukkan akhlak yang baik terhadap ibubapa, guru dan rakan apabila bergaul.

Ho 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan ibadat solat berdasarkan jantina.

Ho 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi akhlak murid berdasarkan jantina.

Ho 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan berdasarkan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam.



## 1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk mengenal pasti sejauh manakah amalan ibadat solat dalam penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) mempunyai hubungan dengan akhlak murid terhadap ibubapa, guru dan rakan dan diharap dapat membantu pelbagai pihak dalam memberi pertambahan ilmu dan maklumat penting kepada beberapa pihak antaranya:-

- (i) Pihak murid mengetahui tahap amalan ibadat solat mereka, seterusnya menjadi penggerak kepada pelaksanaan ibadat yang betul dan sempurna bagi memenuhi tuntutan Rukun Islam yang wajib dilaksanakan setiap hari. Disamping itu mereka berusaha untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan pemahaman mengenai ibadat solat dan kepentingannya.



- (ii) Pihak ibubapa atau penjaga, di mana PAFA ini dapat memudahkan tugas ibubapa atau penjaga di rumah yang mana murid-murid telah diajar sepenuhnya tentang ilmu fardu ain dan asas-asas solat lima waktu. Kesemua ilmu ini telah dikuasai oleh murid kerana mereka semua telah diajar semenjak dari tahun satu lagi. Ibubapa hanya perlu memantau dan memastikan anak jagaan mereka agar sentiasa menunaikan solat ketika berada di rumah.
- (iii) Pihak Guru Pendidikan Islam, di mana guru pendidikan Islam mendapat info dan maklumat berguna berkaitan tahap amalan ibadat solat dalam kalangan murid berdasarkan penilaian yang telah dilakukan. Guru juga dapat melihat hasil penilaian serta hubungannya dengan akhlak murid. Seterusnya guru-guru boleh merancang kaedah dan teknik yang sesuai untuk mendorong murid-murid terus menunaikan ibadat solat walau di mana sahaja mereka berada dan secara tidak langsung dapat meningkatkan tahap akhlak mereka.
- (iv) Membantu pihak sekolah iaitu dari aspek penyeliaan dan pemantauan. Proses pelaksanaan amali solat secara berterusan dengan menyediakan jadual waktu dan tempat yang sesuai untuk dilaksanakan proses amali tersebut. Biasanya penilaian dilakukan dan dijalankan sendiri oleh guru-guru Pendidikan Islam yang telah dipertanggungjawabkan oleh pihak sekolah dan dilaksanakan di dalam kelas atau tempat yang difikirkan sesuai dan selesa.
- (v) Membantu pihak sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri serta Kementerian Pendidikan Malaysia dalam merancang dan melaksanakan program- program berkaitan dan bersesuaian untuk

meningkatkan akhlak murid melalui pendidikan agama khususnya ibadat solat.

- (vi) Menggalakkan kajian lanjutan terhadap permasalahan yang wujud dari masa ke semasa dalam pelaksanaan penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) dari aspek kefahaman dan amalan murid khususnya dalam ibadat solat.

Di samping itu juga diharap pihak pentadbir sekolah, Panitia Pendidikan Agama Islam dan Persatuan Ibubapa dan Guru sekolah (PIBG) dapat merancang dan mewujudkan program-program yang bersesuaian bagi membendung masalah dan gejala sosial dari merebak dalam kalangan murid sekolah. Pihak-pihak swasta juga perlu menggembeleng tenaga dan usaha untuk sama-sama mengadakan aktiviti kemasyarakatan dengan melibatkan murid-murid ini agar mereka terhindar dan tidak terjebak dalam aktiviti tidak sihat sejak kebelakangan ini.

### 1.10 Batasan Kajian

Penyelidik membataskan kajian kepada penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) mengenai ibadat solat dalam hubungannya dengan akhlak murid Melayu tahun enam sekolah rendah di daerah Jempol terhadap ibubapa, guru dan rakan sahaja supaya skop kajian tidak terlalu luas. Penyelidik memilih skop ibadat solat kerana ingin membantu dan membimbing murid di dalam kelas agar dapat melakukan solat dengan betul dari segi bacaan dan pelakuan solat yang betul seterusnya murid dapat mengamalkan ibadat solat dalam kehidupan mereka dengan baik di masa akan datang.

Kajian ini hanya dijalankan di tiga buah sekolah luar bandar yang terletak di daerah Jempol sahaja. Skop kajian yang penyelidik pilih ini juga akan memantapkan misi dan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Daerah Jempol/Jelebu dan seterusnya Sekolah Kebangsaan (Felda) Bandar Baru Serting, Sekolah Kebangsaan Serting Felda dan Sekolah Kebangsaan (Felda) Raja Alias 3 untuk melahirkan generasi yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) begitu juga dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam memertabatkan Pendidikan Islam dan Program j- QAF di sekolah-sekolah Kementerian di Malaysia.

*Jadual 1.10.* Bilangan responden dan sekolah yang terlibat

| Bilangan murid | Jantina                       | Sekolah                                 |
|----------------|-------------------------------|-----------------------------------------|
| 87 murid       | 40 - Lelaki<br>47 - Perempuan | Sek. Keb (Felda)<br>Bandar Baru Serting |
| 80 murid       | 33 - Lelaki<br>47 - Perempuan | Sek. Keb Raja Alias 3                   |
| 87 murid       | 40 - Lelaki<br>47 - Perempuan | Sek. Keb Serting Felda                  |
| Jumlah         | 254 orang murid               |                                         |

Berdasarkan **Jadual 1.10.** menunjukkan pengkaji telah mengambil 254 orang responden. Responden terdiri dari murid lelaki seramai 109 orang dan murid perempuan seramai 145 orang dari 3 buah sekolah berhampiran di sekitar Bandar Seri Jempol sebagai sampel untuk mewakili semua murid dari kelas tahun enam aliran perdana yang lain. Rasional penyelidik memilih ketiga-tiga sekolah ini adalah kerana sekolah berkenaan ada yang berciri-cirikan sekolah cemerlang luar bandar dan ada sekolah ini yang mempunyai ciri-ciri yang cemerlang dari semua bidang iaitu dari



bidang akademik, sahsiah dan kurikulum iaitu Sekolah Kebangsaan Serting Felda seramai 87 orang responden.

Ada juga sekolah yang dipilih oleh penyelidik yang berkeadaan sederhana dari segi akademik, sahsiah dan juga bidang kurikulum iaitu Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Serting seramai 87 orang responden juga. Sebahagian sekolah lagi yang berkeadaan rencam dari segi akademik, sahsiah dan kurikulumnya iaitu Sekolah Kebangsaan Raja Alias 3 seramai 80 orang responden.

Justeru itu, pemilihan ketiga-tiga sekolah yang pelbagai ini penyelidik amat berharap dapat memberi panduan dan pedoman dalam penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) kepada kesemua sekolah-sekolah dalam daerah Jempol untuk melihat keberkesanan PAFA yang telah dijalankan ke atas semua murid tahun enam di sekolah masing-masing. Kesemua murid yang dipilih adalah dari latar belakang dan didikan yang berbeza.

Responden yang telah dipilih boleh menjadi contoh dan sumber inspirasi kepada murid-murid di kelas-kelas aliran perdana yang lain. Murid yang penyelidik pilih ini juga telah menunjukkan prestasi yang baik dalam melakukan ibadat solat dan sempurna dari segi bacaan serta perlakuan ibadat solat dan menjadi pendorong kepada pengkaji untuk membuktikan bahawa matlamat penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) yang dihasratkan oleh pihak Kementerian memberi manfaat yang besar kepada murid-murid di dalam kelas aliran perdana.





Penyelidik memilih tiga buah sekolah ini sahaja dengan murid yang berjumlah 254 orang sahaja kerana jumlah 254 orang ini dapat membuktikan bahawa program PAFA yang diwujudkan oleh pihak Kementerian Pendidikan memang benar-benar boleh membantu murid di tiga buah sekolah ini dapat menguasai bidang ibadat solat dengan baik seterusnya dapat membentuk akhlak murid terhadap ibubapa, guru dan rakan. Dengan jumlah yang sedemikian juga pengkaji dapat melihat tahap amalan ibadat solat murid yang terlibat serta melihat akhlak mereka bergaul dengan ibubapa, guru dan rakan-rakan mereka.

Penilaian dalam kajian ini terbatas daripada persepsi dan maklum balas murid hasil daripada pengajaran dan pembelajaran penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) tentang ibadat solat sahaja. Penyelidik telah menjadikan teori Takmilah dan teori Ta'abbudiyah sebagai panduan dan pedoman semasa menjalankan kajian ini, di mana teori Takmilah mempunyai tujuh prinsip yang perlu diikuti, tetapi penyelidik hanya memilih empat sahaja prinsip yang bersesuaian dengan kajian penyelidik dan bersesuaian dengan objektif yang ingin dicapai dalam kajian. Manakala Teori Ta'abbudiyah pula menekankan tentang pengabdian hamba dan makhluk kepada Allah S.W.T semata-mata.

Jangkaan awal penyelidik melalui pemerhatian mendapati murid perempuan mudah dididik dan dibentuk kerana mereka memberi tumpuan semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas di samping sikap lemah lembut mereka mudah dibentuk berbanding dengan murid lelaki yang bersikap sambil lewa, kasar dan malas semasa guru mengajar dan tidak memberi perhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran berjalan. Program penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) yang telah





diwujudkan oleh pihak Kementerian Pendidikan juga telah berjaya membantu guru Pendidikan Islam dalam mendidik murid di sekolah rendah dan menengah untuk melakukan amali solat dengan baik dari segi bacaan dan perlakuan solat mereka.

## **1.11 Definisi Kaedah dan Operasional**

### **1.11.1 Amalan**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), amalan didefinisikan sebagai perbuatan yang baik-baik atau biasa dilakukan atau kebiasaan, pelaksanaan prinsip atau teori yang dipelajari berasaskan pengalaman. Dalam kajian ini, amalan bermaksud perbuatan dan amalan yang dilakukan sebagai bukti kepada atau kerana Tuhan seperti solat, berdoa dan pengalaman murid melalui amalan dan pelaksanaan ibadat solat setelah melalui proses pengajaran dan pembelajaran PAFA di sekolah. Mengetahui, memahami dan mengamalkannya dengan betul dan sempurna sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syarak.

### **1.11.2 Fardu Ain**

Bermaksud tuntutan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T ke atas setiap orang Islam yang *mukallaf* secara langsung berkaitan dengan dirinya dan tidak boleh ditinggalkan atau pun dilaksanakan oleh orang lain, seperti mengucap dua kalimah syahadah, solat 5 waktu, puasa di bulan Ramadhan, menutup aurat dan mengerjakan haji serta solat Jumaat (fardu ain bagi orang lelaki).





### 1.11.3 Ibadat Solat

Ibn Manzur (1956:464) mentakrifkan Solat dari sudut bahasa sebagai doa untuk memperoleh kebaikan. Manakala al-Syarbini (1940:96), mentakrifkan Solat dari sudut istilah dengan beberapa perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan takbiratulihram dan di akhiri dengan salam berdasarkan syarat-syarat yang tertentu. Menurut Ensiklopedia Islam (2005: 121), solat adalah suatu ibadah yang mengandungi ucapan dan perbuatan tertentu yang dimulai dengan takbiratulihram dan di akhiri dengan salam dengan syarat tertentu. Dalam kajian ini solat yang dimaksudkan merujuk kepada solat fardu yang wajib dilaksanakan lima waktu sehari semalam ke atas umat Islam yang berakal dan baligh.



### 1.11.4 Perkara Asas Fardu Ain (PAFA)

Wahbah al-Zuhaili (1994) mendefinisikan **fardu** sebagai sesuatu yang dituntut oleh syarak supaya melakukannya. Tuntutan itu adalah tuntutan yang pasti yang tidak ada apa-apa kesamaran lagi. Contohnya seperti Rukun Islam yang lima yang sabituntutannya dengan al-Quran al-Karim. Ilmu-ilmu yang diwajibkan itu ialah ilmu-ilmu yang berkaitan dengan aqidah, syariah dan akhlak iaitu ilmu-ilmu yang berkaitan dengan membetulkan pegangan dan keyakinan, pembawaan lahiriah manusia dan pembersihan hati dari penyakit-penyakit hati. Peribadi Muslim hanya sempurna apabila tercapainya kesempurnaan aqidah, syariah dan akhlak. Faktor aspek penilaian ini, murid dapat mencapai kefahaman yang betul dan boleh mengamalkannya sebolehnya pada tahap yang asas dan minimum.





### **1.11.5 Akhlak**

Dari segi bahasa, menurut kamus Dewan Edisi Keempat (2007), akhlak bermakna tabiat, adat dan maruah. Dari segi istilah pula, akhlak ialah kelakuan, tatatertib, maruah dan merangkumi seluruh perbuatan lahiriah yang dihasilkan daripada dorongan batiniah di dalam diri manusia. Akhlak ini bersumberkan wahyu daripada Allah S.W.T. Akhlak dalam Islam bersifat universal yang berteraskan wahyu iaitu al- Quran dan as-Sunnah. Akhlak dalam kajian ini merujuk kepada akhlak dan tingkah laku terhadap ibu bapa, akhlak terhadap guru dan akhlak terhadap rakan-rakan.

### **1.11.6 Pencapaian**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), pencapaian didefinisikan sebagai perkara yang telah dicapai atau prestasi. Dalam kajian ini pencapaian bermaksud prestasi pelajar/murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam UPSR yang diukur dalam bentuk gred A, B, C, D dan E dalam PAFA.

### **1.11.7 KBSR**

Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah iaitu Tilawah Al-Quran, Asas Ulum Syariah, Asas Akhlak Islamiah dan Pelajaran Jawi.





### 1.11.8 KBSM

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah terdiri daripada bidang pelajaran Tilawah dan Hadis, Ulum Syariah, pembelajaran adab berteraskan akhlak Islamiah.

### 1.11.9 Pendidikan Islam

Terkandung di dalamnya Al-Quran dan j-QAF yang telah di tetapkan oleh JAPIM iaitu Jabatan Pendidikan Islam dan Moral untuk memertabatkan Pendidikan Islam.

## 1.12 Kesimpulan

Kesimpulan kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini adalah berdasarkan kepada permasalahan yang hendak dikaji berdasarkan tiga objektif dan tiga soalan kajian yang timbul. Kajian ini juga lebih terarah jika mempunyai pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi konsep. Kajian yang dilakukan oleh penyelidik ini juga perlu dijalankan bagi mendapatkan jawapan kepada permasalahan kajian dan persoalan kajian serta bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

Kajian ini merupakan kajian asas yang direka bentuk untuk melihat hubungan amalan ibadat solat dalam penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) dan hubungannya dengan akhlak dalam kalangan murid Melayu yang berlainan latar belakang, jantina, sekolah dengan ibubapa, guru dan rakan. Kajian ini adalah penting untuk membuktikan bahawa teori amalan ibadat solat dapat memberi kesan kepada akhlak murid bermula





dari kecil lagi iaitu sekolah rendah dan dapatannya dapat membantu para pendidik memberi penekanan terhadap ibadat solat ini dan mencari jalan dan bagaimana untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul semasa proses pengajaran dan pembelajaran penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) ini berjalan.

Kajian ini juga memperlihatkan bahawa ibadat solat amat penting dikuasai oleh murid di mana jika amalan solatnya terjaga dan terurus sudah pasti melahirkan murid yang dapat menjaga hubungan akhlaknya dengan ibubapa, guru dan rakan semasa bergaul dan berurusan. Penilaian ini merupakan satu jalan untuk membantu meningkatkan penghayatan murid berkaitan perkara-perkara asas dalam Pendidikan Islam. Diharapkan agar penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) ini dapat melahirkan murid yang beriman dan bertakwa serta dapat menjadi benteng pertahanan dalam diri murid bagi menghadapi segala cabaran demi memelihara kesucian Islam (JAPIM 2003).

Kepentingan kajian pula membantu banyak pihak terutama murid, ibubapa, guru Pendidikan Islam, pihak sekolah, pihak Kementerian dan juga pihak Jabatan Pendidikan sendiri dalam memantapkan pelaksanaan dasar Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) yang telah diwujudkan sejak tahun 1995 lagi sehingga sekarang. Batasan kajian pula hanya difokuskan kepada bidang solat sahaja agar skop kajian lebih terarah kepada penilaian amalan solat murid sahaja dan pengkaji dapat membantu murid dari segi bacaan dan pelakuan solat yang betul.





Dengan wujudnya program penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) yang merupakan mata pelajaran Pendidikan Islam yang bertujuan untuk memastikan setiap murid mengetahui, memahami dengan betul aspek-aspek Islam seperti yang dituntut oleh syarak dan juga Program j-QAF di mana terdapatnya Kem Bestari Solat (KBS) di peringkat sekolah rendah maka diharap dapat memantapkan lagi penguasaan murid/pelajar dan remaja dalam amalan ibadat solat mereka. Semua pihak yang terlibat secara langsung atau pun tidak diharap dapat merancang, memperbaiki dan melaksanakan program-program berkaitan dan bersesuaian untuk meningkatkan akhlak melalui pendidikan agama. Seterusnya menggalakkan kajian lanjutan terhadap permasalahan yang wujud dalam pelaksanaan penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) dari aspek kefahaman dan amalan murid khususnya dalam ibadat solat.



penting dalam pembentukan akhlak seorang Muslim seharusnya dan murid khususnya. Prinsip keIslaman yang bersifat sempurna juga berjaya diterapkan dalam PAFA, penyelidik telah berjaya memupuk murid ke arah insan kamil (sempurna) dan telah berjaya diselitkan dalam program PAFA serta menerapkan perasaan kecintaan terhadap Allah S.W.T dan Rasulullah S.A.W, serta berjaya mempraktikkan amalan-amalannya dalam kehidupan Muslim.

Melalui teori Takmilah dan teori Ta'abbudiyah, penyelidik telah menjadikan murid berjaya mengamalkan solat dalam PAFA sebagai rutin harian yang wajib dilaksanakan sebagai hamba Allah S.W.T dan juga dapat menjadikan murid tersebut berdisiplin dalam menguruskan waktu tanpa membuang masa seterusnya menjadikan murid tersebut berakhlak dan bersopan-santun dengan ibubapa, guru dan rakan.





Justeru, menunaikan solat dianggap telah melengkapkan Rukun Islam yang utama di mana ibadat solat dapat membezakan orang yang beriman dengan yang tidak beriman, di samping untuk mendapatkan keberkatan dan keredhaan dari Allah S.W.T seharusnya setiap makhluk menjaga hubungannya dengan Allah S.W.T dan menjaga hubungannya sesama manusia di alam ini.

